
PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2014

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat 2014

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2014. Walau bagaimanapun, pertumbuhan masih tidak sekata merentas ekonomi. Meskipun terdapat tanda-tanda yang lebih meluas bahawa ekonomi Amerika Syarikat (AS) terus bertambah baik, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun terus lembap. Di Asia, pertumbuhan telah didorong oleh permintaan dalam negeri dan eksport. Inflasi yang lebih rendah dicatat oleh kebanyakan ekonomi dengan penurunan harga tenaga memperkukuh trend ini.

Ekonomi mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat
(pada harga malar 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.8% pada suku keempat 2014 (S3 2014: 5.6%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama berikutan sokongan aktiviti perdagangan dan dalam negeri. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan meningkat kepada 2.0% (S3 2014: 0.9%). Bagi tahun 2014, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.0%.

Permintaan dalam negeri kekal sebagai peneraju pertumbuhan pada suku keempat, disebabkan terutamanya oleh aktiviti sektor swasta yang lebih baik. Pelaburan swasta meningkat pada kadar lebih cepat sebanyak 11.2% (S3 2014: 6.8%) didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 7.8% (S3 2014: 6.7%), disokong keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.7% pada suku keempat (S3 2014: 5.3%), disebabkan pertumbuhan lebih perlahan bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pelaburan awam, bagaimanapun, terus menurun walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.1% (S3 2014: -8.9%), berikutan penguncupan kecil dalam perbelanjaan untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong pengembangan dalam kesemua subsektor. Sektor pembinaan kekal kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman, manakala pertumbuhan sektor perlombongan lebih kukuh disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sektor perkilangan terus berkembang, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian menguncup disebabkan penurunan dalam pengeluaran minyak sawit akibat banjir di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang lebih rendah pada 2.8% pada suku keempat (S3 2014: 3.0%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah

dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* (2.7%; S3 2014: 3.2%), berikutan penurunan harga daging segar dan makanan laut segar pada suku itu. Bagi tahun 2014 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 3.2% (2013: 2.1%).

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM21.5 bilion (S3 2014: RM16.8 bilion). Eksport kasar menjadi sederhana kepada 0.5% (S3 2014: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport komoditi dalam keadaan peningkatan eksport perkilangan yang lebih sederhana. Import kasar berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.6% pada suku keempat (S3 2014: 2.6%).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM405.5 bilion (bersamaan dengan USD116.0 bilion) pada 31 Disember 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 Januari 2015, kedudukan rizab berjumlah RM386.5 bilion (bersamaan dengan USD110.6 bilion), memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Pada 6 November 2014, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25%. Berikutan paras OPR yang tidak berubah sejak mesyuarat MPC pada bulan September lalu, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil pada suku itu dan bergerak dalam julat antara 3.04% hingga 3.27% sepanjang tempoh 1 Oktober hingga 31 Disember 2014. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang dari 1 bulan) juga secara relatif stabil. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh matang lebih panjang terus menunjukkan trend menaik pada suku itu. Ini berikutan bank-bank menaikkan bidaan terhadap kadar antara bank dalam keadaan persaingan yang sengit untuk memperoleh pendanaan yang stabil (stable funding). Persaingan untuk memperoleh pendanaan yang stabil adalah bagi memenuhi keperluan mudah tunai pengawalseliaan Basel III yang baharu, yang bakal dilaksanakan secara berperingkat, dalam keadaan pertumbuhan deposit yang lebih perlahan secara keseluruhan disebabkan aliran keluar bersih. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan bagi tempoh 1 hingga 12 bulan secara relatif kekal stabil, antara 3.08% hingga 3.31%. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.79%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul adalah stabil (5.51%; S3 2014: 5.52%). Kadar pinjaman keseluruhan kekal di bawah purata jangka panjangnya dan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Agregat monetari terus berkembang pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM16 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang 5.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 6.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM49.9 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 7.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 5.2%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus berkembang kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Namun begitu, peningkatan wang secara luas diimbangi sebahagiannya oleh penurunan aset asing bersih. Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan adalah lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal tinggi pada RM270 bilion pada akhir bulan Disember meskipun terdapat penurunan pada suku itu berikutan pengeluaran mudah tunai bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi terhadap dana dalam keadaan aliran keluar sektor luaran.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sebanyak RM309.8 bilion (S3 2014: RM302.1 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS)

terkumpul berkembang 8.8% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 8.9%). Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul kepada sektor perniagaan kekal mantap, dengan pinjaman terkumpul kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terus meningkat 13.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 12.5%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul isi rumah terus menjadi sederhana kepada 9.9% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 10.7%). Ini berikutan keberkesanan dasar susulan beberapa langkah lebih awal yang diambil untuk memastikan hutang isi rumah berada pada paras yang berhemat. Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM26.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM17.1 bilion).

Pada suku keempat, pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain didorong terutamanya oleh perkembangan luaran. Selain kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan global, mata wang serantau juga menghadapi tekanan susut nilai ekoran pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) yang dipengaruhi jangkaan bahawa Federal Reserve (Fed) akan mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar berikutan pemulihan dalam ekonomi AS. Ringgit, bagaimanapun, mengalami susut nilai yang lebih ketara dibandingkan dengan mata wang serantau lain, terutamanya pada bulan Disember. Ini berikutan kebimbangan pasaran yang meningkat ekoran kesan penurunan mendadak harga minyak terhadap ekonomi Malaysia, khususnya kedudukan fiskal Kerajaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.4% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan dolar Australia (-0.1%), paun sterling (-2.2%), euro (-2.3%) dan semua mata wang serantau. Ringgit, bagaimanapun, menambah nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan yen Jepun.

Antara 1 Januari hingga 10 Februari 2015, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.4%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.3%) dan yen Jepun (-3.2%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (4.7%), dan dolar Australia (2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit pada amnya menyusut nilai antara 0.1% hingga 3.3%.

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan sepanjang suku keempat dalam keadaan penurunan harga minyak yang ketara, yang telah memberikan kesan terhadap pasaran kewangan dan pergerakan kadar pertukaran. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Prospek bagi kestabilan kewangan domestik dijangka terus positif, walaupun dalam keadaan persekitaran operasi yang lebih mencabar.

Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.6%, 13.3% dan 15.2%. Jumlah penampan modal bagi bank-bank yang melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum adalah melebihi RM90 bilion. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi dalam bentuk modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 253% (S3 2014: 246.9%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM30.2 bilion.

Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang sederhana dengan momentum pertumbuhan semakin berbeza

dalam kalangan ekonomi utama. Harga tenaga yang menurun dijangka memberikan sedikit sokongan tambahan kepada pertumbuhan global secara keseluruhan kerana pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kadar inflasi yang lebih rendah akan menyokong perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko aktiviti ekonomi global menjadi lebih perlahan yang nyata. Ini termasuk kelemahan permintaan yang berpanjangan dan inflasi yang rendah atau kemungkinan berlakunya deflasi dalam beberapa ekonomi utama, ketidakpastian mengenai pelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju utama, serta meningkatnya kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang merupakan pengeksport komoditi bersih, dalam keadaan harga tenaga yang menurun.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil. Pemulihan pertumbuhan global yang beransur-ansur akan memberikan sokongan kepada prestasi eksport perkilangan negara, meskipun pertumbuhan eksport secara keseluruhan dijangka kekal sederhana dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah. Permintaan dalam negeri dijangka kekal menggalakkan dalam keadaan harga minyak yang lebih rendah. Aktiviti pelaburan dijangka kekal berdaya tahan apabila perbelanjaan modal yang menyeluruh oleh sektor swasta dan awam mengimbangi pengurangan aktiviti pelaburan berkaitan minyak dan gas. Meskipun penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana, pendapatan dan guna tenaga yang meningkat dengan stabil, serta pendapatan boleh guna tambahan hasil daripada harga minyak yang lebih rendah akan menyokong perbelanjaan isi rumah.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2014

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global berkembang dengan sederhana

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2014. Walau bagaimanapun, pertumbuhan masih tidak sekata di seluruh ekonomi. Meskipun terdapat tanda-tanda yang lebih meluas bahawa ekonomi Amerika Syarikat (AS) terus bertambah baik, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun terus lembap. Di Asia, pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri dan eksport. Inflasi yang lebih rendah dicatat oleh kebanyakan ekonomi dengan penurunan harga tenaga memperkukuh trend ini.

Pasaran kewangan terus mengalami ketidaktentuan yang ketara pada suku keempat, berikutan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan di kawasan euro dan Jepun, ketidakpastian mengenai magnitud dan tahap harga tenaga yang lebih rendah, dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun ekoran harga tenaga yang menurun. Walau bagaimanapun, kebanyakan pasaran ekuiti utama dan serantau mengakhiri suku keempat pada paras yang lebih tinggi. Ini berikutan keyakinan pelabur yang meningkat disebabkan data ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan di AS, serta rangsangan monetari tambahan yang dilaksanakan oleh Bank of Japan (BoJ). Di Asia, langkah-langkah dasar bersasaran selanjutnya oleh Kerajaan China dan penurunan kadar dasar yang tidak dijangka oleh People's Bank of China (PBoC) turut menaikkan sentimen pasaran.

Di AS, aktiviti ekonomi terus berkembang meskipun pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat (2.5%; S3 2014: 2.7%). Berdasarkan asas terlaras secara bermusim, ekonomi AS meningkat 2.6% (S3 2014: 5.0%). Pengembangan aktiviti ekonomi didorong terutamanya oleh penggunaan swasta, di tengah-tengah keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik dan disokong oleh harga bahan api yang lebih rendah. Pertumbuhan pelaburan tetap disokong oleh perbelanjaan modal bukan kediaman yang terus berkembang dan pelaburan kediaman yang meningkat semula. Inflasi menjadi sederhana kepada 1.3% (S3 2014: 1.8%), berikutan harga tenaga yang lebih rendah.

Aktiviti ekonomi di kawasan euro kekal lembap pada suku keempat. Sentimen perniagaan terus lemah dalam keadaan perkembangan geopolitik yang berterusan di Eropah Timur dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap risiko deflasi ekoran harga tenaga yang menurun. Keadaan permintaan keseluruhan juga terus terjejas oleh keadaan pengangguran yang tinggi, pelarasan lembaran imbangan yang berterusan oleh sektor swasta dan awam serta penggunaan kapasiti yang rendah. Inflasi terus menjadi sederhana kepada 0.2% pada suku itu (S3 2014: 0.3%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang lebih rendah.

Ekonomi United Kingdom (UK) berkembang pada kadar yang lebih cepat sedikit, iaitu 2.7% pada suku keempat (S3 2014: 2.6%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pengedaran, hotel dan katering. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 0.9% pada suku itu (S3 2014: 1.5%), berikutan penurunan harga bahan api motor.

Di Jepun, walaupun terdapat beberapa tanda bahawa keadaan bertambah baik pada suku itu, aktiviti ekonomi keseluruhan kekal lemah berikutan penguncupan pada dua suku sebelumnya. Penggunaan swasta terus terjejas berikutan kenaikan cukai penggunaan pada bulan April 2014 dan pertumbuhan upah yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, eksport berkembang pada kadar yang lebih cepat (9.2%; S3 2014: 3.2%), disokong oleh penghantaran yang lebih tinggi ke Asia dan

AS. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) terus menjadi sederhana (2.7%; S3 2014: 3.1%), disebabkan terutamanya oleh kos utiliti, pengangkutan dan rekreasi yang lebih rendah. Inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) juga menjadi sederhana (2.1%; S3 2014: 2.3%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
AS	3.1	2.2	2.7	2.5[a]	2.4[a]
UK	2.4	1.7	2.6	2.7[p]	2.6[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju kekal sangat akomodatif pada suku keempat, meskipun hala tuju dasar monetari terus berbeza merentas ekonomi. Di AS, Federal Reserve (Fed) menamatkan program pembelian asetnya pada bulan Oktober 2014 dalam keadaan penggunaan pasaran pekerja yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, berikutan harga tenaga yang menurun, Fed menurunkan unjuran inflasi median bagi tahun 2015 kepada 1.1%-1.2% pada bulan Disember 2014 (unjuran bulan September 2014: 1.7-1.8%), dan menyatakan bahawa mereka "masih boleh menunggu untuk mengembalikan pendirian dasar monetari kepada kedudukan yang lebih wajar". Sebaliknya, European Central Bank (ECB) melaksanakan program pembelian baharu untuk sekuriti bersandarkan aset dan bon terlindung pada bulan Oktober 2014 bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko deflasi di kawasan euro. Pada bulan Januari 2015, program pembelian aset telah ditambah kepada EUR60 bilion (kira-kira USD70.9 bilion) setiap bulan antara bulan Mac 2015 sehingga sekurang-kurangnya bulan September 2016, merangkumi pembelian bon yang diterbitkan oleh kerajaan pusat dan agensi di kawasan euro serta institusi Eropah. Di Jepun, BoJ meningkatkan pembelian aset tahunannya kepada JPY80 trilion (kira-kira USD669.8 bilion) [julat sasaran sebelumnya: JPY60-70 trilion (kira-kira USD502.3-586.1 bilion)], dalam keadaan kebimbangan yang berterusan terhadap disinflasi (disinflation).

Di RR China, pertumbuhan ekonomi kekal pada 7.3% pada suku keempat. Pertumbuhan disokong oleh industri peringkat ketiga (tertiary) (antara lain, termasuk hotel dan katering, perdagangan borong dan runcit, dan perkhidmatan kewangan) yang bertambah baik, yang mengimbangi pertumbuhan sederhana industri utama (pertanian) dan industri sekunder (perindustrian dan pembinaan). Pelaburan infrastruktur yang dipercepat oleh kerajaan China dan penurunan kadar dasar oleh PBoC juga memberikan sedikit sokongan kepada aktiviti ekonomi, terutamanya menjelang separuh terakhir suku keempat. Inflasi menjadi sederhana kepada 1.5% (S3 2014: 2.0%), dalam keadaan harga pengangkutan dan perumahan yang lebih rendah.

Di Asia, pertumbuhan terus berkembang, walaupun pada kadar lebih sederhana dalam beberapa ekonomi. Di Filipina, aktiviti ekonomi berkembang pada kadar lebih cepat sebanyak 6.9% (S3 2014: 5.3%), disokong terutamanya oleh penggunaan swasta dan awam, serta eksport yang lebih tinggi. Pertumbuhan di Indonesia secara amnya mampan (5.0%; S3 2014: 4.9%), disokong oleh peningkatan berterusan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ekonomi di China Taipei dan Korea lebih sederhana (masing-masing 3.2%

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
RR China	7.8	7.7	7.3	7.3	7.4
Filipina	6.3	7.2	5.3	6.9	6.1
Indonesia	5.6[d]	5.6[d]	4.9[d]	5.0	5.0
Singapura	4.9	3.9	2.8	1.5[a]	2.8[a]
Korea	3.7	3.0	3.2	2.7[a]	3.3[a]
China Taipei	3.4	2.2	3.6	3.2[a]	3.5[a]

[d] Disemak
[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

dan 2.7%; S3 2014: masing-masing 3.6% dan 3.2%), disebabkan terutamanya pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih rendah. China Taipei turut terjejas oleh pertumbuhan eksport yang lebih perlahan. Di Singapura, pertumbuhan juga menjadi sederhana (1.5%; S3 2014: 2.8%), dalam keadaan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan dan pembinaan.

Inflasi menjadi sederhana dalam kebanyakan ekonomi Asia, mencerminkan terutamanya harga bahan api yang lebih rendah dan kesan pindahan kepada kos makanan dan pengangkutan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat di Indonesia berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api pada bulan November 2014.

Kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan pendirian dasar monetari akomodatif pada suku keempat. Yang ketara, PBoC mengurangkan kadar faedahnya pada bulan November 2014, kali pertama sejak bulan Julai 2012 bagi menyokong aktiviti ekonomi. Ini berikutan terdapatnya kebimbangan terhadap momentum pertumbuhan yang semakin lemah dan tekanan inflasi yang lebih rendah. Khususnya, kadar pinjaman untuk tempoh satu tahun telah diturunkan sebanyak 40 mata asas kepada 5.6% dan kadar deposit untuk tempoh satu tahun diturunkan sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Pada bulan Januari 2015, Reserve Bank of India (RBI) menurunkan kadar repo dan kadar repo berbalik sebanyak 25 mata asas masing-masing kepada 7.75% dan 6.75%, berikutan tekanan inflasi semakin reda. Sebaliknya, Bank Indonesia (BI) menaikkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 7.75% pada bulan November 2014, untuk menegarkan jangkaan inflasi berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api.

Harga minyak mentah Brent menurun kira-kira 25% kepada purata USD77 setong pada suku keempat (S3 2014: USD103 setong), berikutan bekalan global yang lebih tinggi dan aktiviti ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan dalam beberapa ekonomi utama. Yang ketara, harga minyak mentah jatuh mendadak apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) mengumumkan keputusannya untuk mengekalkan tahap pengeluaran, meskipun terdapat lebihan bekalan pada 27 November 2014. Sentimen pasaran terus menurun berikutan jangkaan bahawa pengeluaran minyak shale AS akan berterusan pada separuh pertama 2015. Ini menyebabkan harga minyak mentah mencecah USD56 setong pada akhir suku itu, dan USD45 setong pada 26 Januari 2015, paras terendah sejak bulan April 2009.

Kebanyakan mata wang utama dan serantau mengakhiri suku keempat lebih rendah berbanding dengan dolar AS. Penyusutan nilai yang menyeluruh berbanding dengan dolar AS disebabkan terutamanya data ekonomi AS yang lebih kukuh daripada jangkaan, yang menyokong jangkaan pasaran bahawa penjajaran kadar faedah akan bermula pada tahun 2015. Dalam ekonomi maju, penyusutan nilai euro dan yen Jepun berbanding dengan dolar AS juga disokong oleh pengumuman rangsangan monetari tambahan oleh ECB dan BoJ. Walau bagaimanapun, di Asia, peso Filipina mengatasi nilai mata wang serantau lain disebabkan terutamanya oleh peningkatan bermusim pengiriman wang.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang sederhana dengan momentum pertumbuhan semakin berbeza dalam kalangan ekonomi utama. Harga tenaga yang menurun dijangka memberikan sedikit sokongan tambahan kepada pertumbuhan global secara keseluruhan kerana pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kadar inflasi yang lebih rendah akan menyokong perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko aktiviti ekonomi global menjadi lebih perlahan yang nyata. Ini termasuk kelemahan permintaan yang berpanjangan dan inflasi yang rendah atau kemungkinan berlakunya deflasi dalam beberapa ekonomi utama, ketidakpastian mengenai pelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju utama, serta meningkatnya kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang merupakan pengeksport komoditi bersih, dalam keadaan harga tenaga yang menurun.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih cepat pada suku keempat 2014 (5.8%; S3 2014: 5.6%). Pertumbuhan didorong oleh kadar pertumbuhan sektor swasta yang lebih kukuh (8.5%; S3 2014: 6.8%) dan perbelanjaan sektor awam yang kembali pulih (0.6%; S3 2014: -1.2%). Sementara itu, eksport barangan dan perkhidmatan benar mencatat pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 1.5% (S3 2014: 2.8%). Pertumbuhan sederhana ini bersama-sama dengan pertumbuhan import yang lebih tinggi menyebabkan eksport bersih memberikan sumbangan negatif kepada pertumbuhan keseluruhan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan meningkat kepada 2.0% (S3 2014: 0.9%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri meningkat kepada 5.9% pada suku keempat (S3 2014: 4.9%), didorong perbelanjaan sektor swasta yang lebih baik dan perbelanjaan sektor awam yang kembali pulih.

Aktiviti sektor swasta meningkat 8.5% (S3 2014: 6.8%), disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam pelaburan dan penggunaan. **Pelaburan swasta** berkembang dengan lebih cepat pada kadar 11.2% (S3 2014: 6.8%), dipacu perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khususnya dalam industri pengangkutan dan runcit. Aktiviti **penggunaan swasta** meningkat lebih kukuh sebanyak 7.8% (S3 2014: 6.7%), disokong keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan.


Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.6% pada suku keempat (S3 2014: -1.2%), disebabkan penurunan pelaburan yang lebih perlahan dalam keadaan penggunaan awam yang

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	6.7	7.4	4.9	5.9	6.0
Sektor swasta	9.1	8.6	6.8	8.5	8.0
Penggunaan	*7.4*	*7.2*	*6.7*	*7.8*	*7.1*
Pelaburan	*16.6*	*13.1*	*6.8*	*11.2*	*11.0*
Sektor awam	2.1	4.4	-1.2	0.6	0.2
Penggunaan	*5.2*	*6.3*	*5.3*	*2.7*	*4.4*
Pelaburan	*-1.4*	*2.2*	*-8.9*	*-2.1*	*-4.9*
Eksport Bersih	-6.8	-12.6	11.4	-9.8	19.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*5.7*	*0.6*	*2.8*	*1.5*	*5.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*7.1*	*2.0*	*2.2*	*2.6*	*3.9*
KDNK	**5.1**	**4.7**	**5.6**	**5.8**	**6.0**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.9**	**-**	**0.9**	**2.0**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sederhana. **Pelaburan awam** mencatat penurunan lebih kecil sebanyak 2.1% (S3 2014: -8.9%), berikutan kadar penguncupan perbelanjaan yang lebih perlahan untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan. **Penggunaan awam** berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 2.7% (S3 2014: 5.3%), mencerminkan terutamanya pengurangan perbelanjaan Kerajaan untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar** meningkat 4.3% (S3 2014: 1.1%), mencerminkan pelaburan swasta yang lebih baik dan penurunan lebih kecil

dalam pelaburan awam. Dari segi jenis aset, pertumbuhan pelaburan terus dipacu oleh perbelanjaan untuk struktur sebanyak 10.8% (S3 2014: 8.3%). Perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan pula menurun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.4% (S3 2014: -7.5%).

Pertumbuhan disokong sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh pengembangan dalam kesemua subsektor. Sektor pembinaan kekal kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman, manakala sektor perlombongan mencatat pertumbuhan lebih kukuh disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sektor perkilangan terus berkembang, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian menguncup disebabkan penurunan dalam pengeluaran minyak sawit akibat banjir di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 6.4% pada suku keempat (S3 2014: 6.2%), disokong pengembangan dalam kesemua subsektor. Sejajar dengan pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang berterusan, subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat 9.3% (S3 2014: 8.2%). Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal teguh (9.8%; S3 2014: 9.7%) berikutan permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang terus kukuh. Pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan lebih tinggi (8.2%; S3 2014: 7.2%), disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan juga mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.8% (S3 2014: 4.9%), disokong aktiviti berkaitan perdagangan. Subsektor kewangan dan insurans terus berkembang 2.0% (S3 2014: 2.6%), berikutan permintaan yang berterusan terhadap pembiayaan daripada sektor isi rumah dan perniagaan.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	6.9	0.2	2.1	4.0	-2.8	2.6
Perlombongan	7.9	-1.2	0.7	1.4	9.6	3.1
Perkilangan	24.6	5.2	3.5	5.4	5.2	6.2
Pembinaan	3.9	9.8	10.9	9.6	8.7	11.6
Perkhidmatan	55.3	6.4	5.9	6.2	6.4	6.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.1**	**4.7**	**5.6**	**5.8**	**6.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.9**	**-**	**0.9**	**2.0**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**40.4**	**4.9**	**5.1**	**5.4**	**5.6**	**5.4**
Kewangan & insurans	15.9	0.5	1.8	2.6	2.0	2.0
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.4	8.3	7.5	7.2	8.2	7.8
Pengangkutan & penyimpanan	6.5	5.4	4.6	4.9	5.8	5.0
Komunikasi	7.6	10.3	10.0	9.7	9.8	9.9
Perkhidmatan Akhir	**59.6**	**7.5**	**6.4**	**6.7**	**7.0**	**7.0**
Perdagangan borong & runcit	26.7	8.4	6.4	8.2	9.3	8.8
Penginapan & restoran	4.5	5.8	5.7	5.7	7.2	6.2
Utiliti	4.4	4.4	4.1	4.4	3.7	3.5
Perkhidmatan Kerajaan	15.0	8.6	8.3	6.2	4.8	6.5
Perkhidmatan lain	9.0	5.1	5.1	5.0	5.1	4.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**6.4**	**5.9**	**6.2**	**6.4**	**6.3**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 5.2% pada suku keempat (S3 2014: 5.4%), disokong prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh, khususnya kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E). Ini mengimbangi pengeluaran lebih rendah dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya kelengkapan pengangkutan, dalam keadaan jualan kereta yang sederhana.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013			2014		
	S3	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	102.0	82.4	104.3	98.0	83.0	94.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	107.9	81.7	98.9	130.0	92.9	99.7
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	138.8	140.3	126.8	115.2	107.6	108.8
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	-4.9	1.2	2.7	8.6	3.9[1]	8.8[2]
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	23.0	24.1	19.0	-2.0	-0.9[1]	5.5[2]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	6.9	5.9	5.9	2.9	2.7	2.7
Jumlah pinjaman terkumpul	9.5	10.6	10.6	9.0	9.3	9.3
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	12.2	11.3	11.3	7.3	7.5	7.5
Import barangan penggunaan	9.7	9.6	8.8	-1.0	2.9	5.7
Jumlah jualan kenderaan bermotor	11.0	-0.9	4.5	-8.8	3.8	1.6
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	3.0	2.7	1.5	9.2	12.8[1]	7.9[2]

[1] Okt-Nov 2014
[2] Jan-Nov 2014


Sumber: MIER, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, dan sumber lain

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**5.2**	**3.5**	**5.4**	**5.2**	**6.2**
Industri berorientasikan eksport	61.4	4.7	2.3	4.8	6.8	5.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	38.6	6.0	5.4	6.5	2.8	6.7
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**4.9**	**4.2**	**5.1**	**4.9**	**6.1**
Industri berorientasikan eksport	**74.8**	**3.8**	**3.3**	**4.4**	**5.4**	**5.4**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**16.9**	**10.0**	**10.1**	**10.2**	**12.1**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	25.4	18.6	3.9	5.9	10.5
Keluaran elektrik	8.9	1.2	-5.1	24.3	20.1	15.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**-1.8**	**0.3**	**1.4**	**2.9**	**2.1**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	-1.1	-0.7	7.4	7.9	3.6
Keluaran petroleum	21.0	-4.0	0.2	-5.4	1.8	0.6
Keluaran getah	2.5	6.8	8.2	-4.0	-0.8	-1.3
Pemprosesan di luar estet	4.5	-1.5	1.7	4.3	-9.0	1.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.2**	**8.0**	**6.8**	**7.3**	**3.8**	**7.9**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**3.5**	**4.9**	**5.7**	**3.5**	**4.2**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	2.2	1.3	7.0	5.2	5.0
Keluaran logam yang direka	3.1	5.8	12.2	3.2	0.6	2.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**11.6**	**8.5**	**8.6**	**4.0**	**10.9**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	23.4	13.8	11.4	1.1	14.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	1.1	4.9	7.1	8.0	8.8

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan bertambah baik pada suku keempat (80%; S3 2014: 78%), disebabkan terutamanya oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport (82%; S3 2014: 80%).

Sektor pembinaan meningkat 8.7% pada suku keempat (S3 2014: 9.6%), didorong subsektor bukan kediaman dan kediaman. Pertumbuhan subsektor bukan kediaman lebih kukuh berikutan aktiviti pembinaan yang lebih giat bagi bangunan industri dan komersial, manakala subsektor kediaman disokong oleh aktiviti harta kediaman dalam segmen pasaran umum dan rumah mampu milik. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam lebih lemah berikutan hampir siapnya projek-projek infrastruktur besar. Dalam subsektor pertukangan khas, pertumbuhan adalah mampan berikutan aktiviti yang berterusan bagi pemasangan cerucuk (piling), kerja tanah, pemasangan elektrik dan sistem, serta kerja penyiapan bangunan dan kemasan akhir.

Sektor pertanian menguncup 2.8% (S3 2014: 4.0%), berikutan penurunan ketara pengeluaran minyak sawit akibat banjir di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia. Sementara itu, **sektor perlombongan** berkembang 9.6% (S3 2014: 1.4%) disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	11.3	12.7	10.7	9.7	12.8
Kediaman	18.3	19.6	21.5	18.3	22.2
Bukan kediaman	18.1	6.6	10.9	23.5	17.1
Kejuruteraan awam	1.9	14.5	2.2	-8.0	1.2
Pertukangan khas[1]	9.4	4.7	7.4	7.7	16.7
Kelulusan perumahan	-31.2	-24.5	-3.6	-29.2[2]	-0.8[3]
Pengeluaran[4] bahan berkaitan pembinaan	3.5	4.9	5.7	3.5	4.2
Simen hidraulik	6.2	4.2	7.8	9.7	6.6
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	25.5	5.3	25.8	27.2	32.7
Produk porselin dan seramik lain	3.1	-5.6	20.7	29.9	21.0
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	6.5	1.7	2.6	-13.2	-3.8
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	-3.3	-1.1	-1.0	8.3	1.3
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	0.6	-10.5	25.9	24.9	0.3
Pengeluaran	22.2	14.8	4.8	17.8	12.7

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Oktober
[3] Jan-Okt 2014
[4] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100**	**0.2**	**2.1**	**4.0**	**-2.8**	**2.6**
Tanaman Industri	**52.2**	**-2.5**	**-0.1**	**1.7**	**-8.4**	**0.2**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.6	-1.2	2.6	5.2	-8.9	2.4
Getah	5.5	-14.4	-10.1	-24.1	-25.5	-19.2
Tanaman Makanan	**47.8**	**4.8**	**6.5**	**7.5**	**5.3**	**6.0**
Antaranya:						
Perikanan	14.6	-3.3	1.6	3.0	2.6	2.1
Ternakan	13.0	10.6	9.4	7.7	8.9	7.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-1.2**	**0.7**	**1.4**	**9.6**	**3.1**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan Kondensat	-5.5	-2.8	3.2	15.9	4.3
Gas asli	3.4	4.4	-0.8	3.1	1.6


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi terus menurun pada suku keempat

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang lebih rendah pada 2.8% pada suku keempat (S3 2014: 3.0%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* (2.7%; S3 2014: 3.2%), berikutan penurunan harga daging segar dan makanan laut segar pada suku itu. Inflasi dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* juga lebih rendah pada 7.1% (S3 2014: 12.7%) apabila kesan pelarasan harga rokok pada bulan Oktober 2013 telah luput sebelum harganya dinaikkan semula pada bulan November 2014. Bagi tahun 2014 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 3.2% (2013: 2.1%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot pada kadar tahunan sebanyak 2.1% pada suku keempat (S3 2014: 0.9%) didorong terutamanya oleh harga yang lebih rendah dalam kategori *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan* dan *bahan api galian dan pelincir* berikutan penurunan harga minyak dunia. Sehubungan dengan itu, harga komponen berkaitan komoditi menurun sebanyak 8.0% (S3 2014: 0.9%). Harga komponen bukan berkaitan komoditi pula meningkat pada kadar yang secara relatif stabil sebanyak 1.2% pada suku keempat (S3 2014: 1.0%).

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna




Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil pada suku keempat[1] seperti ditunjukkan oleh kadar pengangguran yang rendah sebanyak 2.8% (S3 2014: 2.7%) dan tahap guna tenaga yang mampan pada 13.7 juta orang (S3 2014: 13.6 juta orang).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia menjadi sederhana sedikit kepada 2,915 orang (S3 2014: 3,028 orang), kebanyakannya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Bilangan jawatan kosong yang dipaparkan dalam Portal JobsMalaysia meningkat kepada 250,976 jawatan (S3 2014: 223,128 jawatan). Agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat 0.3% (S3 2014: 2.7%) disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri.

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku keempat

Lebihan akaun semasa berjumlah RM6.1 bilion pada suku keempat, bersamaan dengan 2.3% daripada PNK (S3 2014: RM7.6 bilion atau 2.9% daripada PNK). Meskipun imbangan barangan mencatat lebihan yang lebih tinggi, defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan primer yang lebih tinggi menyumbang kepada lebihan akaun semasa yang lebih kecil. Bagi tahun 2014, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM49.5 bilion atau 4.8% daripada PNK (2013: RM39.9 bilion atau 4.2%)

[1] Berdasarkan data awalan

Pada suku keempat, lebihan perdagangan adalah lebih tinggi pada RM21.5 bilion (S3 2014: RM16.8 bilion). Eksport kasar menjadi sederhana kepada 0.5% (S3 2014: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport komoditi dalam keadaan pengembangan eksport perkilangan yang lebih sederhana. Import kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.6% pada suku keempat (S3 2014: 2.6%) berikutan pertumbuhan import barangan pengantara yang bertambah baik serta import modal dan import penggunaan yang bertukar menjadi positif.

Pertumbuhan eksport perkilangan menjadi perlahan, sebahagiannya disebabkan oleh asas yang lebih tinggi pada suku keempat tahun sebelumnya. Eksport E&E berkembang pada kadar yang lebih tinggi, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap separa konduktor. Penurunan eksport bukan E&E disebabkan oleh penguncupan eksport produk berasaskan sumber, khususnya produk petroleum. Walau bagaimanapun, eksport produk bukan berasaskan sumber meningkat, disokong oleh eksport produk besi dan keluli serta jentera dan peralatan yang terus berkembang. Penguncupan eksport komoditi disebabkan terutamanya oleh permintaan dan harga minyak sawit mentah dan getah yang lebih rendah. Harga LNG dan minyak mentah yang lebih rendah juga menjejaskan pertumbuhan eksport komoditi pada suku keempat, tetapi kesannya diimbangi sebahagiannya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap komoditi ini. Dari segi destinasi, eksport ke AS meningkat kukuh berikutan pertumbuhan pelaburan perniagaan yang berterusan. Di rantau ini, eksport ke China yang terus menurun diimbangi sebahagiannya oleh eksport yang lebih tinggi ke ekonomi ASEAN pada suku keempat.

Import kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat pada suku keempat disokong oleh peningkatan import dalam semua kategori, kecuali import untuk dieksport semula. Import barangan pengantara berkembang pada kadar yang lebih kukuh berikutan aktiviti perkilangan yang terus meningkat. Import modal pulih pada suku keempat, disokong oleh peningkatan pelaburan swasta. Import barangan penggunaan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif, didorong terutamanya oleh import yang lebih kukuh bagi produk pengguna tidak tahan lama serta makanan dan minuman yang diproses. Walau bagaimanapun, aktiviti eksport semula adalah lemah dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah pada suku itu.

Imbangan Pembayaran[1]

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**14.8**	**39.9**	**7.6**	**6.1**	**49.5**
(% daripada PNK)	*5.8*	*4.2*	*2.9*	*2.3*	*4.8*
Barangan	33.3	108.2	28.7	32.7	125.1
Perkhidmatan	-4.1	-16.7	-6.4	-7.9	-20.5
Pendapatan primer	-10.0	-34.1	-9.4	-13.8	-37.4
Pendapatan sekunder	-4.4	-17.5	-5.3	-5.0	-17.6
Akaun Kewangan	**-9.7**	**-15.8**	**-2.8**	**-24.4**	**-76.5**
Pelaburan langsung	4.0	-5.5	2.1	-0.2	-17.1
Aset	*-6.5*	*-41.2*	*-6.2*	*-8.1*	*-51.3*
Liabiliti	*10.4*	*35.7*	*8.3*	*7.9*	*34.2*
Pelaburan portfolio	-0.8	-3.0	-11.0	-20.4	-37.9
Aset	*-5.4*	*-32.1*	*-10.3*	*0.2*	*-28.3*
Liabiliti	*4.6*	*29.1*	*-0.7*	*-20.6*	*-9.6*
Derivatif kewangan	0.4	-0.3	0.1	0.2	-1.0
Pelaburan lain	-13.3	-7.1	6.1	-4.1	-20.6
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-7.8	-9.4	-11.5	6.7	-9.6
Imbangan Keseluruhan	**-2.7**	**14.6**	**-6.7**	**-11.4**	**-36.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**10.4**	**2.5**	**1.5**	**0.5**	**6.4**
Perkilangan	*76.7*	*12.9*	*5.1*	*1.9*	*1.8*	*7.1*
E&E	*33.4*	*13.2*	*2.5*	*2.7*	*5.5*	*8.1*
Bukan E&E	*43.2*	*12.7*	*7.1*	*1.3*	*-0.9*	*6.4*
Berasaskan sumber	*23.6*	*14.2*	*8.6*	*2.1*	*-4.4*	*4.9*
Bukan berasaskan sumber	*19.6*	*10.9*	*5.3*	*0.3*	*3.7*	*8.2*
Komoditi	22.7	4.7	-4.6	0.4	-3.9	4.2
Mineral	*13.7*	*16.1*	*3.7*	*-2.5*	*-0.5*	*6.8*
Pertanian	*9.0*	*-8.3*	*-14.4*	*4.4*	*-8.8*	*0.6*
Import Kasar	**100.0**	**11.4**	**6.9**	**2.6**	**4.6**	**5.3**
Barangan pengantara	59.8	10.4	4.3	11.0	12.5	7.6
Barangan modal	14.1	-0.4	2.2	-9.9	0.2	-2.1
Barangan penggunaan	7.4	9.6	8.8	-1.0	2.9	5.7
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	18.8	26.1	19.7	-10.6	-12.7	3.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**28.3**	**71.3**	**16.8**	**21.5**	**83.1**

Nota: Keluaran petroleum ditapis telah diklasifikasikan semula sebagai barangan perkilangan dan bukan lagi barangan perlombongan mulai bulan Mei 2014

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit akaun **perkhidmatan** meningkat kepada RM7.9 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM6.4 bilion), didorong terutamanya oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pembinaan, khususnya untuk mendapatkan perkhidmatan teknikal asing bagi projek infrastruktur. Penerimaan perjalanan bersih adalah lebih rendah sedikit berbanding dengan suku ketiga tahun 2014, disebabkan oleh perbelanjaan pelancong ke luar negeri yang terus meningkat manakala perbelanjaan pelancong ke dalam negeri adalah mampan. Sementara itu, pembayaran bersih untuk perkhidmatan pengangkutan adalah mampan, selaras dengan aktiviti perdagangan yang berterusan pada suku keempat.

Defisit **pendapatan primer** meningkat kepada RM13.8 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM9.4 bilion), menunjukkan terutamanya pendapatan pelaburan yang lebih rendah daripada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, khususnya dalam sektor pertanian dan perlombongan. Sebaliknya, pendapatan pelaburan daripada pelabur langsung asing secara amnya mampan pada suku keempat, disokong terutamanya oleh pendapatan terakru kepada pelabur asing dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khususnya subsektor kewangan dan insurans. Sementara itu, defisit lebih rendah dalam akaun pendapatan sekunder (S4 2014: -RM5.0 bilion; S3 2014: -RM5.3 bilion) disebabkan penerimaan yang lebih tinggi dalam keadaan pengiriman wang ke luar negeri yang berkurang.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM24.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM2.8 bilion), disebabkan terutamanya aliran keluar pelaburan portfolio bersih yang lebih tinggi.

Pelaburan langsung mencatat aliran keluar bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion (S3 2014: +RM2.1 bilion), apabila aliran keluar aset pelaburan langsung yang lebih besar telah mengimbangi aliran masuk liabiliti pelaburan langsung yang lebih kecil.

Dari segi aset, **pelaburan langsung keluar** meningkat apabila mencatat aliran keluar sebanyak RM8.1 bilion (S3 2014: -RM6.2 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung luar negeri** (direct investment abroad, DIA) mencatat aliran keluar sebanyak RM10.4 bilion (S3 2014: -RM5.6 bilion). Peningkatan DIA didorong pelaburan yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia dalam sektor minyak dan gas serta sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan dan insurans, serta subsektor maklumat dan komunikasi.

Dari segi liabiliti, **pelaburan langsung masuk** mencatat aliran masuk lebih kecil sebanyak RM7.9 bilion (S3 2014: +RM8.3 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) mencatat aliran masuk yang lebih besar sebanyak RM10.2 bilion (S3 2014: +RM7.7 bilion). FDI ini disalurkan terutamanya kepada sektor

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.4**	**-2.5**	**-4.5**	**9.0**	**16.9**	**11.0**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.5**	**14.7**	**5.0**	**5.5**	**7.9**	**11.5**
Jepun	**10.8**	**6.0**	**-5.0**	**-4.4**	**1.9**	**4.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.4**	**7.4**	**7.2**	**2.1**	**5.1**	**5.8**
Timur Laut Asia	**23.8**	**24.0**	**6.1**	**-6.0**	**-8.7**	**3.4**
Republik Rakyat China	*12.1*	*30.9*	*9.3*	*-15.0*	*-15.7*	*-4.8*
Hong Kong SAR	*4.8*	*30.1*	*3.9*	*11.9*	*-3.9*	*18.5*
Korea	*3.7*	*17.0*	*3.3*	*0.6*	*2.5*	*7.1*
China Taipei	*3.2*	*-3.0*	*-0.4*	*1.3*	*4.8*	*14.3*
Asia Barat[2]	**3.0**	**-1.2**	**0.3**	**-9.5**	**-2.7**	**-5.6**
India	**4.2**	**-17.7**	**-12.2**	**51.7**	**16.0**	**23.9**
Jumlah eksport	**100.0**	**10.4**	**2.5**	**1.5**	**0.5**	**6.4**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perkilangan, manakala pelaburan dalam industri minyak dan gas, serta perkhidmatan kewangan, kekal besar.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM20.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM11 bilion). Ini disebabkan terutamanya aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin, khususnya pelupusan instrumen hutang dalam keadaan aliran keluar ekuiti yang kecil. Sementara itu, pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri mencatat aliran masuk yang kecil disebabkan terutamanya penebusan sekuriti hutang, manakala pelabur keinstitusian dalam negeri memperoleh sekuriti hutang asing yang lebih rendah.

Pelaburan lain bertukar arah untuk mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.1 bilion (S3 2014: +RM6.1 bilion), apabila aliran keluar yang lebih tinggi daripada sektor bukan bank mengimbangi aliran masuk yang lebih rendah ke dalam sektor perbankan. Aliran keluar dalam sektor bukan bank mencerminkan terutamanya pemberian kredit perdagangan yang lebih besar oleh pengeksport Malaysia dan pembayaran balik kredit perdagangan yang diberikan sebelum ini kepada pengimport. Penurunan aliran masuk ke dalam sektor perbankan mencerminkan penempatan deposit antara bank yang lebih rendah oleh institusi kewangan bukan pemastautin.

Susulan perkembangan ini, **imbangan pembayaran keseluruhan** mencatat defisit sebanyak RM11.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM6.7 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (Errors and Omissions, E&O) berjumlah +RM6.7 bilion, sebahagiannya mencerminkan penambahan nilai rizab antarabangsa disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau terpilih pada suku keempat.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri[2] Malaysia berjumlah RM744.7 bilion, bersamaan dengan USD211 bilion atau 69.6% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2014 (akhir bulan September: RM740.7 bilion atau USD223.9 bilion, bersamaan dengan 69.2% daripada KDNK). Dari segi profil hutang luar negeri, lebih separuh daripada hutang ini adalah dalam bentuk kematangan jangka sederhana dan jangka panjang. Dari segi mata wang, kira-kira separuh daripada jumlah hutang luar negeri terdiri daripada pemegangan sekuriti hutang dan deposit dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin. Peningkatan hutang luar negeri pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2013	2014	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	324.1	347.6	367.1
Jangka sederhana dan panjang	*196.0*	*199.0*	*210.9*
Sektor awam	98.9	89.1	93.1
Sektor swasta	97.1	109.9	117.8
Jangka pendek	*128.1*	*148.6*	*156.2*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	229.7	247.0	223.3
Jangka sederhana dan panjang	*151.1*	*167.6*	*164.0*
Jangka pendek	*78.6*	*79.5*	*59.3*
Deposit bukan pemastautin	77.3	80.5	87.7
Lain-lain[2]	65.5	65.6	66.6
Jangka sederhana dan panjang	*10.7*	*10.2*	*10.6*
Jangka pendek	*54.8*	*55.4*	*66.0*
Jumlah hutang luar negeri	**696.6**	**740.7**	**744.7**
Bersamaan USD bilion	*209.8*	*223.9*	*211.0*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	32.8	32.5	34.3
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	39.5	42.8	42.6
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	3.4	2.8	2.5[5]
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	70.6	69.2	69.6
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	48.6	49.1	48.2
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.3	1.1	1.1[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terkandung terutamanya hutang mata wang asing diperoleh, dan nota and bon terbitan luar pesisir.
[2] Terkandung kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Bersamaan dengan pinjaman luar pesisir jangka pendek.
[4] Pinjaman luar pesisir jangka pendek, pegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 Januari 2015.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[2] Ini merujuk kepada hutang luar negeri yang didefinisikan semula, yang berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Selain peminjaman luar pesisir yang dimasukkan dalam definisi sebelum ini, hutang luar negeri yang didefinisikan semula juga meliputi pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan serta liabiliti hutang lain bukan pemastautin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

Peminjaman luar pesisir meningkat kepada RM367.1 bilion pada akhir bulan Disember 2014 (akhir bulan September: RM347.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian berikutan pengukuhan mata wang serantau dan mata wang utama terpilih berbanding dengan ringgit pada suku keempat. Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar yang lebih sederhana, mencerminkan sebahagian besar ambilan bersih peminjaman luar pesisir oleh syarikat sektor swasta. Sebahagian besar peminjaman ini adalah daripada entiti berkaitan bukan pemastautin untuk pengurusan sumber kewangan yang lebih baik dalam kumpulan korporat dan digunakan terutamanya untuk membiayai peningkatan kapasiti produktif. Walau bagaimanapun, ambilan bersih oleh sektor swasta ini sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik bersih yang kecil dalam sektor awam, terutamanya oleh perusahaan awam.


Deposit bukan pemastautin meningkat kepada RM87.7 billon pada akhir bulan Disember 2014 (akhir September: RM80.5 bilion). Walau bagaimanapun, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin menurun kepada RM223.3 bilion (akhir bulan September: RM247 bilion) dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan yang meningkat. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan pelupusan bil dan nota kewangan BNM oleh bukan pemastautin, iaitu instrumen yang digunakan oleh Bank dalam operasi dasar monetarinya untuk menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan. Pemegangan sekuriti hutang jangka panjang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, khususnya Sekuriti Kerajaan Malaysia, secara relatif kekal stabil.

Secara keseluruhan, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan jangka sederhana dan panjang. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.1 kali.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM405.5 bilion (bersamaan dengan USD116.0 bilion) pada 31 Disember 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 Januari 2015, rizab berjumlah RM386.5 bilion (bersamaan dengan USD110.6 bilion), memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit fiskal lebih rendah pada 3.5% daripada KDNK pada tahun 2014

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terus menyokong pertumbuhan pada suku keempat, dengan jumlah perbelanjaan bersih sebanyak RM76.1 bilion. Khususnya, perbelanjaan mengurus meningkat disebabkan oleh pemberian dan pindahan yang lebih tinggi kepada badan berkanun serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya kepada pembangunan masyarakat dan desa serta sektor perkhidmatan ekonomi lain. Meskipun harga minyak menurun, hasil kekal sebanyak RM59.6 bilion disokong oleh kutipan cukai pendapatan yang lebih tinggi. Pada keseluruhan tahun, Kerajaan Persekutuan mencapai sasaran defisit fiskal 3.5% daripada KDNK (2013: 3.9% daripada KDNK). Pada akhir bulan Disember 2014, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM582.8 bilion atau 54.5% daripada KDNK.


Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2013		2014[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	61.1	213.4	59.1	59.6	220.6
% pertumbuhan tahunan	*6.8*	*2.6*	*3.8*	*-2.3*	*3.4*
Perbelanjaan mengurus	58.8	211.3	52.9	59.7	219.6
% pertumbuhan tahunan	*-4.6*	*2.8*	*-0.9*	*1.6*	*3.9*
Akaun semasa	**2.3**	**2.1**	**6.2**	**-0.1**	**1.0**
% daripada KDNK	***0.9***	***0.2***	***2.3***	***0.0***	***0.1***
Perbelanjaan pembangunan bersih	16.0	40.7	8.1	16.4	38.4
% pertumbuhan tahunan	*-3.4*	*-8.2*	*-10.3*	*2.1*	*-5.5*
Imbangan keseluruhan	**-13.8**	**-38.6**	**-1.9**	**-16.5**	**-37.4**
% daripada KDNK	***-5.2***	***-3.9***	***-0.7***	***-5.9***	***-3.5***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	74.8	252.0	61.0	76.1	258.0
% pertumbuhan tahunan	*-4.4*	*0.8*	*-2.2*	*1.7*	*2.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan					
(pada akhir tempoh)	539.9	539.9	569.3	582.8	582.8
% daripada KDNK	*54.7*	*54.7*	*53.2*	*54.5*	*54.5*
Hutang dalam negeri	381.4	381.4	397.2	414.7	414.7
% daripada KDNK	*38.7*	*38.7*	*37.1*	*38.8*	*38.8*
Hutang luar negeri[1]	158.4	158.4	172.1	168.2	168.2
% daripada KDNK	*16.1*	*16.1*	*16.1*	*15.7*	*15.7*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin[2]	*141.7*	*141.7*	*156.0*	*151.4*	*151.4*
% daripada KDNK	*14.4*	*14.4*	*14.6*	*14.1*	*14.1*
Peminjaman luar pesisir	*16.8*	*16.8*	*16.1*	*16.8*	*16.8*
% daripada KDNK	*1.7*	*1.7*	*1.5*	*1.6*	*1.6*

[a] Awalan
[1] Merujuk kepada hutang luar negeri yang diberikan definisi semula
[2] Merujuk kepada pemegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan) yang diklasifikasikan sebagai hutang dalam negeri di bawah definisi terdahulu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia


PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku keempat. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.


Berikutan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil pada suku itu, dan bergerak dalam julat 3.04% hingga 3.27% sepanjang tempoh 1 Oktober hingga 31 Disember 2014. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang dari 1 bulan) juga secara relatif stabil. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang terus menunjukkan trend menaik pada suku itu. Bank-bank berusaha meningkatkan paras pendanaan yang stabil[3] bagi memenuhi keperluan mudah tunai pengawalseliaan Basel III baharu yang bakal dilaksanakan secara berperingkat, iaitu Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR). Persaingan untuk memperoleh lebih banyak pendanaan yang stabil, bagaimanapun, menjadi lebih sengit disebabkan pertumbuhan deposit keseluruhan yang lebih perlahan ekoran aliran keluar bersih yang sebahagiannya mencerminkan pempelbagaian pelaburan oleh syarikat di luar negeri dan aliran keluar portfolio. Untuk meningkatkan paras pendanaan yang stabil bagi mematuhi LCR, bank-bank bersaing untuk menarik deposit syarikat besar dengan menawarkan kadar deposit borong yang lebih tinggi. Bank-bank yang mengalami pengeluaran deposit syarikat beralih kepada peminjaman dalam pasaran antara bank untuk menggantikan dana yang berkurang, lantas menaikkan bidaan terhadap kos peminjaman antara bank. Bagi tahun 2014 secara keseluruhannya, kadar 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) meningkat daripada 3.31% kepada 3.86%.

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman




Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia


[3] Di bawah LCR, bentuk pembiayaan yang stabil ialah kebarangkalian pengeluaran yang rendah semasa episod tekanan kewangan. Pendanaan yang dianggap paling stabil ialah bersumberkan deposit runcit, diikuti oleh deposit korporat, manakala pendanaan yang bersumber daripada institusi kewangan lain adalah yang paling terdedah kepada risiko pengeluaran.

Kadar Faedah

	2013	2014	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	2.99	3.20	3.23
1 bulan	3.20	3.41	3.38
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.79	6.79
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.36	5.52	5.51
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	3.07	3.08
12 bulan	3.15	3.30	3.31

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan 3 bulan KLIBOR pada keseluruhannya stabil pada suku keempat, mencerminkan jangkaan peserta pasaran bahawa OPR akan kekal tidak berubah.


Kadar deposit runcit stabil pada suku keempat. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan untuk tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing dalam julat antara 3.08% hingga 3.31%.

Kos peminjaman bagi ekonomi pada keseluruhannya stabil sepanjang suku keempat. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.79%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul adalah stabil (5.51%; S4: 5.52%). Kadar pinjaman keseluruhan terus berada di bawah purata jangka panjang dan terus menyokong aktiviti ekonomi.

M3 terus berkembang


Agregat monetari terus berkembang pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM16 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang 5.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 6.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM49.9 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 7.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 5.2%).

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan M3 pada suku keempat didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus berkembang kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan wang secara luas diimbangi sebahagiannya oleh penurunan aset asing bersih.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal tinggi pada RM270 bilion pada akhir bulan Disember meskipun terdapat pengurangan pada suku itu berikutan pengeluaran mudah tunai bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi terhadap dana dalam keadaan aliran keluar sektor luaran.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM309.8 bilion (S3 2014: RM302.1 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang 8.8% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 8.9%)

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM17.7 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM5.3 bilion) dengan sebahagian besar daripada peningkatan pengeluaran itu disalurkan untuk membiayai modal kerja dalam sektor *perdagangan borong dan runcit, serta restoran dan hotel; pembinaan; perkilangan* dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 9.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 7.9%). Khususnya, kadar pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada PKS kekal kukuh dan terus meningkat kepada 13.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 12.5%). Permohonan dan kelulusan pinjaman kepada perniagaan secara keseluruhan stabil secara relatif pada suku keempat.


Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**23.3**	**107.5**	**10.4**	**49.9**	**101.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5.2	21.2	6.3	18.2	34.3
Tuntutan terhadap sektor swasta	41.9	118.0	23.8	40.8	118.0
Pinjaman	*33.5*	*107.9*	*21.9*	*38.4*	*111.4*
Sekuriti	*8.4*	*10.1*	*1.9*	*2.4*	*6.6*
Aset asing bersih[1]	2.7	-5.3	0.4	-28.0	-19.2
BNM	*-4.0*	*-4.4*	*-0.6*	*-28.4*	*-43.9*
Sistem Perbankan	*6.7*	*-0.9*	*1.0*	*0.4*	*24.7*
Pengaruh lain	-16.1	-26.4	-20.0	18.9	-31.6

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan


Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S4	2013	S3	S4	2014	S4	2013	S3	S4	2014
Jumlah pembiayaan kasar	**299.9**	**1,046.4**	**302.1**	**309.8**	**1,175.2**	15.4	**-2.7**	**18.1**	**3.3**	**12.3**
Pengeluaran pinjaman*	256.5	948.3	269.7	287.7	1,073.9	9.7	1.5	12.3	12.2	13.2
PDS kasar[1]	36.0	82.1	23.6	21.2	82.1	81.9	-27.4	83.0	-41.2	0.0
Ekuiti	7.4	16.0	8.8	1.0	19.2	21.3	-41.5	217.7	-87.1	19.6
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**49.0**	**146.7**	**30.8**	**52.4**	**144.2**	9.8	**9.8**	**8.9**	**8.8**	**8.8**
Sistem perbankan	38.6	121.0	27.2	44.3	121.3	10.1	10.1	9.0	9.2	9.2
Pinjaman terkumpul (A)	*34.3*	*117.7*	*25.7*	*41.6*	*114.1*	10.6	*10.6*	*9.0*	*9.3*	*9.3*
Pemegangan PDS	*4.3*	*3.4*	*1.5*	*2.7*	*7.3*	3.8	*3.8*	*10.0*	*7.9*	*7.9*
PDS terkumpul (B)	14.7	29.0	5.1	10.8	30.1	7.6	7.6	8.6	7.3	7.3
Memorandum										
PDS kasar[2]	36.0	83.9	24.9	21.6	85.5	55.9	-30.8	85.7	-40.1	2.0

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S4 13	2013	S3 14	S4 14	2014		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**178.5**	**649.5**	**195.5**	**209.9**	**770.3**	**71.7**	**43.1**
Syarikat besar[1]	*120.2*	*422.9*	*136.6*	*147.5*	*536.3*	*49.9*	*25.7*
*PKS**	*58.3*	*226.6*	*58.9*	*62.4*	*234.0*	*21.8*	*17.5*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	6.9	31.8	7.0	8.4	31.3	2.9	2.4
Perlombongan dan kuari	2.1	8.8	1.8	2.9	12.2	1.1	0.7
Perkilangan	52.8	195.4	51.5	54.7	213.4	19.9	7.5
Pembinaan	16.3	58.2	15.0	19.2	65.5	6.1	4.3
Harta tanah	11.3	43.3	12.7	14.3	51.6	4.8	6.4
Bekalan elektrik, gas dan air	2.0	9.5	7.2	2.1	14.0	1.3	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	50.5	182.0	54.9	59.8	221.1	20.6	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.9	17.3	6.7	7.2	27.0	2.5	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	23.4	77.5	27.1	29.0	96.2	9.0	7.0
Isi rumah	**78.0**	**298.8**	**74.2**	**77.8**	**303.6**	**28.3**	**56.9**
Pembelian harta kediaman	20.5	74.5	20.0	21.7	81.4	7.6	27.4
Kredit penggunaan	43.4	171.3	41.4	43.9	167.7	15.6	17.7
Antaranya:							
Kad kredit	*26.4*	*97.8*	*24.3*	*26.3*	*99.3*	*9.2*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*9.3*	*41.4*	*9.4*	*9.8*	*37.8*	*3.5*	*10.5*
Lain-lain	14.0	52.9	12.8	12.1	54.6	5.1	11.8
Jumlah	**256.5**	**948.3**	**269.7**	**287.7**	**1,073.9**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S4	2013	S3	S4	2014	S4	2013	S3	S4	2014
Jumlah										
Permohonan pinjaman	210.4	820.5	219.1	210.1	822.1	22.3	6.3	2.3	-0.2	0.2
Kelulusan pinjaman	98.0	392.5	105.7	106.4	401.4	2.8	0.4	2.5	8.6	2.3
Pengeluaran pinjaman	256.5	948.3	269.7	287.7	1,073.9	9.7	1.5	12.3	12.2	13.2
Bayaran balik pinjaman	229.2	862.4	252.4	258.5	996.5	2.4	1.4	15.8	12.8	15.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	34.3	117.7	25.7	41.6	114.1	10.6	10.6	9.0	9.3	9.3
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[1,2]										
Permohonan pinjaman	89.1	358.9	108.3	100.4	386.2	26.8	-3.5	15.7	12.7	7.6
Kelulusan pinjaman	37.0	154.8	44.0	46.1	160.0	-11.3	-16.9	8.8	24.5	3.4
Pengeluaran pinjaman	178.5	649.5	195.5	209.9	770.3	9.3	-1.0	19.7	17.6	18.6
Bayaran balik pinjaman	164.9	607.4	187.8	192.3	735.5	1.4	-1.0	22.5	16.7	21.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	10.0	33.2	5.3	17.7	42.3	7.9	7.9	7.9	9.4	9.4
PKS[1]										
Permohonan pinjaman	51.0	196.0	45.1	45.5	180.7	41.4	13.8	-13.9	-10.8	-7.8
Kelulusan pinjaman	18.1	71.4	16.8	15.8	63.8	10.8	-7.9	-7.4	-12.8	-10.6
Pengeluaran pinjaman	58.3	226.6	58.9	62.4	234.0	4.4	4.6	4.9	7.1	3.3
Bayaran balik pinjaman	53.4	210.0	58.4	57.6	222.6	-0.6	7.8	9.0	7.8	6.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	6.1	22.5	5.3	8.8	26.6	12.8	12.8	12.5	13.4	13.4
Syarikat besar[2]										
Permohonan pinjaman	38.1	162.9	63.2	54.9	205.5	11.4	-18.5	53.3	44.1	26.1
Kelulusan pinjaman	19.0	83.4	27.2	30.4	96.2	-25.5	-23.3	22.0	60.2	15.3
Pengeluaran pinjaman	120.2	422.9	136.6	147.5	536.3	11.9	-3.7	27.5	22.7	26.8
Bayaran balik pinjaman	111.5	397.4	129.4	134.7	512.9	2.4	-5.1	29.7	20.9	29.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.9	10.7	0.0	8.8	15.7	4.4	4.4	4.3	6.2	6.2
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	121.3	461.6	110.8	109.7	435.9	19.1	15.5	-8.1	-9.6	-5.6
Kelulusan pinjaman	60.9	237.7	61.8	60.3	241.4	13.8	16.1	-1.6	-1.1	1.6
Pengeluaran pinjaman	78.0	298.8	74.2	77.8	303.6	10.4	7.3	-3.6	-0.3	1.6
Bayaran balik pinjaman	64.3	255.0	64.6	66.2	261.0	4.9	7.8	0.1	2.9	2.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	21.2	74.0	16.5	17.9	68.9	12.0	12.0	10.7	9.9	9.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali perubahan pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM17.9 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM16.5 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul terus menjadi sederhana kepada 9.9% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 10.7%).

Dana bersih lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM26.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM17.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh dana bersih lebih tinggi yang diperoleh sektor awam.

Dana kasar yang diperoleh sektor awam pada suku tersebut meningkat kepada RM22.8 bilion (S3 2014: RM22.0 bilion).


Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**14.3**	**46.3**	**2.1**	**15.3**	**49.9**
Terbitan Kasar Sekuriti Kerajaan	20.4	96.9	22.0	22.8	96.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11.4	51.4	12.3	12.7	51.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	9.0	41.0	8.2	6.6	33.9
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	4.4	1.5	3.4	11.5
Tolak: Penebusan	6.1	50.6	19.9	7.5	46.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6.1	38.6	8.4	2.0	26.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	12.0	11.5	5.5	20.5
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**19.5**	**38.3**	**15.0**	**11.2**	**50.2**
Saham	7.4	16.0	8.8	1.0	19.2
Sekuriti Hutang Swasta, *Bersih*	12.0	22.2	6.2	10.2	31.0
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*36.0*	*83.9*	*24.9*	*21.6*	*85.5*
Tolak: Penebusan	*24.0*	*61.6*	*18.7*	*11.4*	*54.5*
Jumlah	**33.7**	**84.5**	**17.1**	**26.4**	**100.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia


Sebahagian besar dana diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun, dan pembukaan semula Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII), 3 tahun dan 10 tahun. Di samping itu, dana juga diperoleh melalui terbitan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan sebanyak RM3.4 bilion. Pada suku keempat, penebusan sekuriti kerajaan lebih rendah pada RM7.5 bilion (S3 2014: RM19.9 bilion). Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh sektor awam lebih tinggi pada RM15.3 bilion (S3 2014: RM2.1 bilion).

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) baharu adalah lebih rendah pada RM21.6 bilion (S3 2014: RM24.9 bilion). Dana yang diperoleh didorong terutamanya oleh terbitan dalam sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan*, bertujuan untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti pada suku itu berjumlah RM1.0 bilion (S3 2014: RM8.8 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM11.2 bilion (S3 2014: RM15.0 bilion).

Kadar hasil bon meningkat pada suku keempat


Pada suku keempat, kadar hasil MGS meningkat sedikit berikutan pengukuhan kedudukan pelaburan oleh pelabur menjelang akhir tahun 2014. Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan meningkat, pelarasan yang dilakukan adalah teratur seperti yang ditunjukkan oleh kenaikan kadar hasil yang kecil. Bagi suku keempat secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 18, 17, 23 mata asas.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon korporat berpenarafan lebih tinggi secara relatif terus stabil disebabkan permintaan berterusan oleh pelabur domestik. Kadar hasil bon korporat berpenarafan AAA dan AA 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 6 dan 2 mata asas dalam suku itu.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih tinggi


Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM181.2 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM160.2 bilion), berikutan pengimbangan semula portfolio dalam kalangan pelabur dalam keadaan ketidakpastian pasaran kewangan yang meningkat. Peningkatan urus niaga ini tertumpu terutamanya pada dagangan MGS yang mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi pada 0.33 (S3 2014: 0.25). Walau bagaimanapun, segmen GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah pada 0.24 dan 0.06 (S3 2014: masing-masing 0.26 dan 0.07).

FBM KLCI menurun pada suku keempat seiring dengan pasaran serantau

Pada suku keempat, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun sebanyak 85.1 mata atau 4.6%, untuk ditutup pada 1,761.3 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 1,846.3 mata). Sentimen pasaran terus lemah pada suku itu, seiring dengan kebanyakan pasaran serantau, berikutan kebimbangan tentang prospek pertumbuhan global dan penurunan mendadak harga minyak yang menyebabkan pengurangan pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin.


Oleh itu, permodalan pasaran menurun kepada RM1.65 trilion pada akhir bulan Disember 2014 (akhir bulan September 2014: RM1.77 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.94 bilion unit (S3 14: 2.77 bilion unit) pada suku tersebut.

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2014 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2013		2014		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sep	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,867.0	1,867.0	1,846.3	1,761.3	1,761.3
FBMEMAS[1]	12,853.6	12,853.6	12,924.7	12,066.3	12,066.3
Pasaran ACE[2]	5,675.8	5,675.8	7,278.9	5,653.4	5,653.4
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,702.2	1,702.2	1,774.1	1,651.2	1,651.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	911	911	906	906	906
	Pada tempoh				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,704.7	1,567.3	2,773.9	1,944.4	2,157.1
Nilai (RM juta)	2,330.2	2,157.2	2,300.3	1,999.9	2,161.8

[1] FBMEMAS mewakili pasaran indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2013				2014					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	107.4	146.8	386.9	527.8	169.2	140.3	122.5	126.0	530.7	531.8
Antaranya:										
Papan Utama	80.0	140.7	305.2	512.3	128.9	132.3	85.5	117.3	397.1	501.2
Antaranya										
Produk Pengguna	7.3	5.5	20.9	22.6	9.7	7.9	5.3	5.2	29.6	26.3
Produk Industri	9.6	9.7	51.5	40.4	23.6	15.4	13.3	11.2	72.0	52.2
Pembinaan	2.8	4.6	15.1	25.0	6.5	7.7	3.4	5.7	19.0	26.3
Dagangan/Khidmat	34.6	81.0	111.4	229.1	59.6	55.6	42.0	56.7	172.0	219.0
Kewangan	4.0	18.2	17.2	103.2	3.5	20.4	3.1	18.7	13.9	84.9
Harta Benda	8.8	6.7	34.0	35.6	12.6	10.7	6.1	6.3	41.0	34.6
Perladangan	1.7	5.6	5.5	19.6	1.9	5.3	1.2	3.6	6.3	19.8
Infrastruktur	1.9	5.0	6.5	19.1	1.1	3.7	1.3	4.4	5.4	17.2
Pasaran ACE[1]	24.4	5.5	69.7	13.5	35.5	7.2	30.3	7.3	115.6	27.1

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 10 Februari 2015, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,811 mata (sejak akhir bulan Disember 2014: +2.8%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.71 trilion (sejak akhir bulan Disember 2014: +3.7%).


Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau

Pada suku keempat, pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain didorong terutamanya oleh perkembangan luaran. Selain kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan global, mata wang serantau juga menghadapi tekanan susut nilai ekoran pengukuhan dolar AS, yang dipengaruhi jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar berikutan pemulihan ekonomi AS. Ringgit, bagaimanapun, mengalami susut nilai yang lebih ketara dibandingkan dengan mata wang serantau lain, terutamanya pada bulan Disember. Ini berikutan kebimbangan pasaran yang meningkat ekoran kesan penurunan mendadak harga minyak terhadap ekonomi Malaysia, khususnya kedudukan fiskal Kerajaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.4% berbanding dengan dolar AS pada suku tersebut. Ringgit turut menyusut nilai


Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2014)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia


berbanding dengan dolar Australia (-0.1%), paun sterling (-2.2%), euro (-2.3%), dan semua mata wang serantau. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan yen Jepun.

Antara 1 Januari hingga 10 Februari 2015, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.4%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.3%), dan yen Jepun (-3.2%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (4.7%), dan dolar Australia (2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit pada amnya menyusut nilai antara 0.1% hingga 3.3%.

Aktiviti pasaran derivatif pertukaran asing kekal perlahan disebabkan jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan dasarnya kepada kedudukan yang lebih wajar

Pada suku keempat, aktiviti pasaran antara bank menurun apabila peserta memilih untuk menangguhkan aktiviti berikutan jangkaan bahawa Federal Reserve akan menaikkan kadar faedah pada tahun 2015. Ini berserta kebimbangan yang semakin meningkat tentang prospek pertumbuhan global menyebabkan aktiviti derivatif pasaran asing menurun 9.0% berbanding dengan suku sebelumnya.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penurunan ini juga didorong oleh aktiviti perlindungan nilai pertukaran asing dalam jumlah yang lebih rendah oleh pengeksport tempatan yang menangguhkan penjualan pertukaran asing kerana menjangka ringgit akan terus menyusut nilai.

Sementara itu, swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun menurun menjelang akhir suku keempat daripada 87 mata asas kepada 70 mata asas ekoran kekurangan mudah tunai ringgit susulan aliran keluar portfolio oleh bukan pemastautin. Di samping itu, berlaku aktiviti perlindungan nilai oleh pelabur dengan dedahan aset ringgit menerusi pembelian hadapan dolar AS, kerana menjangka dolar AS akan terus menambah nilai.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 13	S3 14	S4 14	21 Jul 05	S4 13	S3 14
Dolar AS	3.8000	3.2815	3.2715	3.4950	8.7	-6.1	-6.4
Euro	4.6212	4.5263	4.1527	4.2513	8.7	6.5	-2.3
Paun sterling	6.6270	5.4076	5.3193	5.4396	21.8	-0.6	-2.2
Dolar Australia	2.8823	2.9299	2.8632	2.8664	0.6	2.2	-0.1
100 yen Jepun	3.3745	3.1281	2.9922	2.9255	15.3	6.9	2.3
Dolar Singapura	2.2570	2.5943	2.5702	2.6449	-14.7	-1.9	-2.8
100 baht Thailand	9.0681	9.9757	10.107	10.627	-14.7	-6.1	-4.9
100 peso Filipina	6.8131	7.3908	7.2959	7.8066	-12.7	-5.3	-6.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0269	0.0269	0.0281	37.4	-4.2	-4.5
100 won Korea	0.3665	0.3108	0.3106	0.3201	14.5	-2.9	-3.0
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	11.009	10.743	11.068	7.4	-0.5	-2.9
Renminbi China	0.4591	0.5422	0.5323	0.5637	-18.6	-3.8	-5.6

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan sepanjang suku keempat dalam keadaan penurunan harga minyak yang ketara, yang telah memberikan kesan terhadap pasaran kewangan dan pergerakan kadar pertukaran. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Prospek bagi kestabilan kewangan domestik dijangka terus positif, walaupun dalam persekitaran operasi yang lebih mencabar.

Dedahan risiko kredit kekal terurus berikutan keupayaan membayar balik hutang yang berterusan

Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil pada suku keempat, berikutan keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh peminjam. Paras pinjaman terjejas sebagai peratusan pinjaman bersih serta pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan sebagai peratusan jumlah pinjaman masing-masing pada 1.2% dan 2.5% (S3 2014: masing-masing 1.3% dan 2.5%). Saiz dedahan risiko kredit industri insurans, yang berpunca terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta, terus stabil pada 3.7% daripada jumlah modal asas.

Risiko kepada kestabilan kewangan domestik ekoran dedahan kepada sektor isi rumah terus dibendung dengan baik apabila beberapa siri langkah berperingkat yang dilaksanakan untuk membendung pengumpulan hutang yang berlebihan terus memberikan kesan. Agregat peminjaman isi rumah melalui bank dan institusi kewangan bukan bank meningkat 2.4% (S3 2014: +2.3%) pada suku keempat kepada RM940.4 bilion (S3 2014: RM918.2 bilion). Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan pembiayaan yang mampan untuk pembelian harta kediaman (+3.3%, S3 2014: +3.2%) dan baki kad kredit (+3.7%, S3 2014: +0.5%). Pertumbuhan pembiayaan baki kad kredit menunjukkan trend bermusim penggunaan kad kredit yang lazimnya lebih tinggi pada akhir tahun. Pada asas tahunan, pertumbuhan hutang isi rumah agregat (bank dan institusi kewangan bukan bank) sejak dua tahun lalu terus menjadi sederhana kepada 9.9% (S3 2014: +10.4%), sejak langkah-langkah kehematan makro yang pertama diperkenalkan pada tahun 2010. Ini disebabkan terutamanya pertumbuhan tahunan yang menurun dengan ketara bagi pembiayaan peribadi oleh institusi kewangan bukan bank, yang berkurang lebih separuh kepada 5.3% (2013: +13.9%) pada tahun itu. Pada paras agregat, aset kewangan isi rumah terus mencakupi lebih dua kali daripada hutang. Komposisi aset kewangan sebahagian besarnya stabil, meskipun nilai pelaburan dalam ekuiti menyusut sejajar dengan perubahan pada penilaian ekuiti. Bank-bank terus mengekalkan piawaian pengunderaitan kredit dan mematuhi nisbah pembayaran hutang yang berhemat bagi pembiayaan baharu kepada isi rumah. Pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan masing-masing terus rendah dan stabil pada 1.2% dan 1.8% daripada jumlah peminjaman isi rumah daripada bank-bank.


Peminjaman domestik (pinjaman, sekuriti hutang swasta dan sukuk) oleh sektor perniagaan mencatat pertumbuhan suku tahunan sebanyak 3.0% (S3 2014: +1.6%), didorong terutamanya oleh sektor harta tanah. Peminjaman luar negeri menurun 4% pada suku ketiga (S2 2014: +0.1%) terutamanya disebabkan oleh bon yang mencapai tempoh matang. Pada asas tahunan, peminjaman domestik mencatat pertumbuhan sebanyak 8.5% (S3 2014: 7.6%), manakala peminjaman luar negeri menurun 0.5% (S2 2014: +13.9%). Potensi kerugian daripada dedahan kredit bank kepada sektor perniagaan kekal terurus. Pada akhir suku ketiga, kedudukan leveraj perniagaan[4], seperti yang diukur oleh median untuk nisbah hutang kepada ekuiti bertambah

[4] Berdasarkan data kewangan 160 syarikat yang disenaraikan di FBM KLCI, yang merangkumi sektor ekonomi utama dan 80% daripada permodalan pasaran.

baik kepada 42.7% (S2 2014: 43.6%). Leveraj ini disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang kukuh, seperti yang diukur oleh median untuk nisbah perlindungan faedah perniagaan sebanyak 6.2 kali (S2 2014: 6.5 kali), meskipun keuntungan operasi yang lebih rendah dicatat oleh perniagaan dalam sektor pertanian, pembinaan dan kejuruteraan, dan sektor berkaitan minyak dan gas. Mudah tunai keseluruhan juga terus teguh, seperti yang diukur oleh median untuk nisbah aset semasa kepada liabiliti semasa sebanyak 1.9 kali (S2 2014: 1.7 kali). Asas-asas perniagaan yang terus kukuh disokong oleh pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan yang rendah dan stabil, yang masing-masing mencakupi 2.5% dan 0.3% daripada jumlah pinjaman perniagaan (S3 2014: 2.8% dan 0.3%). Di samping itu, risiko mungkir secara keseluruhan, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal rendah pada 0.19% (S3 2014: 0.12%). Meskipun perkembangan dalam harga minyak dan pergerakan ringgit yang mudah turun naik pada suku keempat dijangka menjejaskan keuntungan sesetengah perniagaan, perkembangan ini juga dijangka positif untuk sektor perkilangan berorientasikan eksport. Oleh itu, kesan bersih terhadap sistem perbankan dijangka kekal terurus.

Agregat harga rumah mencatat pertumbuhan tahunan lebih perlahan selama tiga suku tahun berturut-turut sejak akhir tahun 2013, selepas langkah-langkah tambahan diperkenalkan pada bulan Julai 2013. Pertumbuhan tahunan Indeks

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Harga Rumah Malaysia (Malaysian House Price Index, MHPI) menjadi perlahan kepada 8.4% pada suku kedua (S1 2014: +9.6%). Data MHPI awalan juga menunjukkan pertumbuhan pada suku ketiga terus sederhana bagi sebahagian besar jenis rumah dan pusat-pusat guna tenaga utama. Di samping itu, peminjaman untuk pembelian spekulatif kekal lemah. Bilangan peminjam dengan tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul terus mencakupi kurang 3% daripada individu yang mempunyai pinjaman perumahan terkumpul dengan bank.

Keadaan pasaran kewangan domestik terus teratur

Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan meskipun ketidaktentuan yang meningkat berikutan reaksi pelabur terhadap penurunan harga minyak dan perkembangan luaran lain. Pelaburan portfolio mencatat kedudukan aliran keluar bersih sebanyak RM20.4 bilion (S3 2014: aliran keluar bersih sebanyak RM11 bilion) pada suku keempat. Purata turun naik bagi kadar hasil MGS 10 tahun meningkat kepada 6.7% (S3 2014: 6.0%) apabila pelabur mengukuhkan kedudukan pelaburan mereka menjelang akhir tahun. Purata turun naik bagi FBM KLCI juga meningkat kepada 7.7% (S3 2014: 5.2%) apabila pelabur mengambil sikap berhati-hati berikutan kemungkinan risiko penurunan harga minyak terhadap ekonomi dalam negeri. Kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sedikit kepada 4.15% (S3 2014: 3.92%), manakala FBM KLCI mengakhiri tahun pada paras lebih rendah pada 1,761.3 mata (S3 2014: 1,846.3 mata). Nisbah harga kepada pendapatan FBM KLCI secara amnya terus stabil pada 15.8 kali (S3 2014: 16.7 kali), disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh. Mudah tunai dagangan, dari segi harga dan jumlah, kekal tidak berubah. Spread bida tawar MGS dan FBM KLCI masing-masing tidak berubah pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S3 2014: masing-masing 0.1% dan 0.4%). Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI juga stabil masing-masing pada 10.8% dan 1.8% (S3 2014: masing-masing 8.4% dan 1.7%) berikutan aktiviti dagangan yang berterusan dan stabil oleh pelabur keinstitusian dan institusi kewangan domestik.

Dedahan risiko pasaran diuruskan dengan baik oleh institusi kewangan


Pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang terus aktif oleh institusi kewangan memastikan dedahan risiko pasaran pada paras yang terurus. Saiz dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan kekal pada 1.5% daripada jumlah modal. Dedahan kepada risiko ekuiti mencakupi 1.3% (S3 2014: 1.4%) daripada jumlah modal, manakala kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bagi sistem perbankan menurun kepada 4.9% (S3 2014: 5.7%) daripada jumlah modal pada suku itu. Dedahan risiko pasaran bagi industri insurans menurun kepada 12.2% daripada jumlah modal (S3 2014: 12.7%) disebabkan pelaburan yang lebih rendah dalam ekuiti, sejajar dengan pergerakan pasaran saham pada suku keempat. Risiko ekuiti terus merupakan sebahagian besar dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada 7.6% daripada jumlah modal .

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.6%, 13.3% dan 15.2%. Jumlah penampan modal bagi bank-bank yang melebihi jumlah keperluan modal pengawalseliaan minimum adalah melebihi RM90 bilion. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi dalam bentuk modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 253% (S3 2014: 246.9%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM30.2 bilion.


Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai lebih rendah sebanyak RM7.8 bilion (S3 2014: RM8.1 bilion) pada suku keempat, dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 15.2% (S3 2014: masing-masing 1.5%

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan




Sumber: Bank Negara Malaysia

dan 15.6%), terutamanya disebabkan oleh kos deposit dan kos kakitangan yang lebih tinggi. Dalam perniagaan insurans am dan takaful, keuntungan operasi lebih rendah sebanyak RM661.1 juta (S3 2014: RM788 juta) sebahagian besarnya didorong oleh jumlah premium dan keuntungan bersih yang lebih

rendah daripada penjualan asset. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, juga lebih rendah pada RM2.1 bilion (S3 2014: RM3.8 bilion) disebabkan kerugian pelaburan bersih sebanyak RM924 juta (S3 2014: keuntungan pelaburan bersih sebanyak RM718.3 juta) terutamanya daripada pelaburan dalam ekuiti.

Persaingan untuk deposit meningkat pada suku keempat dalam keadaan strategi bank-bank untuk menambah paras pendanaan yang stabil bagi mematuhi piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai. Mudah tunai dalam sistem perbankan masih lebih daripada mencukupi dengan penampan yang memadai untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek, meskipun terdapatnya aliran keluar dana portfolio pada suku tersebut. Penampan untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam tempoh satu minggu dan satu bulan jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 17.4% dan 15.8% daripada jumlah deposit (S3 2014: masing-masing 14.2% dan 13.9%). Penempatan bersih antara bank oleh bank-bank dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan, berjumlah RM91.1 bilion. Mudah tunai dolar AS mencatat lebihan sebanyak RM6.6 bilion dan RM5.1 bilion, masing-masing dalam kelompok matang kurang dari satu minggu dan satu bulan (S3 2014: masing-masing berkurang sebanyak RM3.4 bilion dan lebihan sebanyak RM1.2 bilion).

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	*3,345*	*13,188*	*3,834*	*2,117*	*13,757*
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	*1,041*	*3,224*	*788*	*661*	*3,077*
Nisbah tuntutan (%)	*57.1*	*57.1*	*56.8*	*57.6*	*57.6*
	Perubahan Tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	*-26.3%*	*-27.7%*	*167.5%*	*-36.7%*	*4.3%*
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	*21.9%*	*11.2%*	*17.3%*	*-36.5%*	*-4.6%*
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	*-0.2*	*-0.2*	*-2.0*	*0.5*	*0.5*

Sumber: Bank Negara Malaysia